

Renggang kerana salah faham

Luahan perasaan dianggap fitnah hingga jejas persahabatan

Soalan

SAYA mahasiswa ijazah undang-undang bersahabat dengan si dia yang dianggap adik kandung sejak lima tahun lalu.

Sahabat saya itu sudah tamat pengajian diploma, namun tidak bekerja meskipun dulu pernah bertugas di sebuah pusat jagaan kanak-kanak.

Saya tidak kisah apa yang dia ingin lakukan, cuma menasihatkannya mencari kerja sementara.

Bagaimanapun, dia memberi alasan tidak sihat dan mahu menjaga ibunya.

Apabila mula bekerja di syarikat baru, saya jarang bersama seperti dulu kerana menghubungi dan keluar bersama seperti dulu kerana terlalu sibuk dengan kerja dan pelajaran.

Kadangkala saya amat memerlukannya di sisi ketika keluarga saya menghadapi masalah, namun ia tidak dapat

dizahirkan.

Saya terkilau dengan sikapnya lalu meluahkannya pada seorang kawan. Tanpa diduga luahan itu dianggap satu fitnah hingga membabitkan pihak lain dalam masalah ini.

Paling mengejutkan adalah sikapnya yang terus menyerang saya bertubi-tubi tanpa bertaunya terlebih dulu. Keadaan itu membuatkan saya benar-benar terganggu.

Saya bertanya kepada

kawan tempat meluahkan rasa terkilau sama ada saya ada memfitnahnya dan kawan saya menjawab 'tidak'.

Salah faham itu membuahtkan hubungan kami dingin. Satu hari saya tampil memberi penjelasan pada pihak berkenaan bahawa tiada fitnah berlaku dan hanya salah faham.

Selepas kejadian itu, saya terus memohon maaf kepadanya meskipun saya tidak tahu di mana kesilapan sebenarnya.

Saya sedih kerana tiada maaf daripadanya. Tidak mengapalah kerana orang yang memohon maaf itu lagi besar nilai daripada orang yang susah untuk mengucapkan perkataan maaf. Bantulah saya.

BUNTU,
Selangor.

Jawapan

TANPA mengira bagaimana sesuatu persahabatan boleh berakhir, ia pengalaman sukar dilupakan. Ini kerana teman adalah keluarga yang kita pilih sendiri. Lima tahun bersama membawa begitu banyak pengalaman dan nostalgia indah sukar dipadam dari kotak memori.

Akibat satu salah faham, persahabatan adik dengan saya renggang hingga hari ini. Apa yang berlaku mungkin disebabkan adik dan dia sama-sama tidak tahu di mana kesilapan masing-masing.

Adik menyerahkan kepadanya untuk menilai kesilapan yang dia sendiri tidak tahu. Bagaimana seseorang yang tidak mengetahui kesilapannya boleh meminta maaf? Ini yang berlaku kepadanya yang berasakan dirinya tidak perlu meminta maaf kerana tidak melakukan kesalahan.

Berlainan dengan adik, sifat murni yang meminta maaf walaupun tidak mengetahui apa kesalahan patut dipuji.

Seperti yang adik katakan, memohon maaf lebih besar nilai daripada orang yang susah mengungkapkan perkataan maaf.

Justeru, bukalah pintu walau sekecil mana kemung-

kinan berbaik semula. Beri masa untuk adik dan dia berubah.

Jika ingin menyelamatkan persahabatan ini, adik dan dia boleh berbincang kesan peristiwa yang membawa kepada konflik serta bagaimana persahabatan berubah mengikut masa. Tekankan kepada persamaan, nilai dikongsi, sikap saling mengambil berat dan memori indah bersama.

Bagaimanapun, jika adik sudah melakukan perkara di atas, tidak bermakna persahabatan adik dengan saya akan bertaut semula. Ia hanya mungkin satu permulaan untuk membuka ruang menyembuhkan kelukaan hati masing-masing.

Jika gagal, ambil sedikit masa atau rehat sekejap daripada perhubungan persahabatan sebelum mengambil sebarang keputusan lain.

Adakalanya masa dan penitilan diri boleh membantu individu untuk melihat satu keadaan dari sudut pandangan berbeza. Ingatkan kenangan manis bersama dari menyasai masa bersamanya.

Jangan lupa untuk bertemu pada masa depan. Jika bukan sebagai kawan baik, tetapi seorang yang pernah menjadikan hidup adik gembira dan bermakna.

Sukarnya lupakan bekas kekasih

Soalan

SAYA remaja 21 tahun dan pelajar sebuah institusi pengajian tinggi awam.

Saya baru putus cinta beberapa bulan lalu selepas mengharunginya selama empat tahun. Masalahnya, saya sukar melupakan bekas kekasih kerana kami putus atas kehendaknya tanpa sebarang alasan.

Fikiran saya berlaru memikirkan hal ini namun setakat ini pelajaran tidak terjejas teruk. Hanya Tuhan saja tahu betapa hancurnya hati saya apabila kata putus dibuat melalui khidmat pesanan ringkas (SMS).

Apabila cuba mendapatkan penjelasan kekasih, saya dimaki hamun hingga tidak percaya kekasih berubah sikap.

Kesan perpisahan ini, saya tidak mempercayai dan sering menganggap lelaki semuanya sama.

TERLALU KECEWA,
Pulau Pinang.

Jawapan

MEMANG cinta itu buta kerana tidak memilih siapa untuk dilukai. Rasa luka adik dikecewakan cinta memang amat menyakitkan.

Dr memahami perasaan itu. Jangan menyiksa diri dengan cuba menafikan perasaan yang wujud. Bagaimana boleh terus melupakan apa yang pernah menjadi sebahagian daripada diri adik. Semakin cuba melupakan bekas kekasih, semakin sukar membuangnya dalam ingatan.

Memaksa diri melupakan bekas kekasih secepat mungkin boleh memberi kesan kepada diri adik. Biarlah masa yang mengubah serta menghilangkan sedikit demi sedikit kenangan manis dan indah bersama bekas kekasih.

Manusia normal pasti berubah apabila sesuatu peristiwa berlaku. Perubahan menjadi seorang yang benci kepada pasangan bercinta adalah kesan putusnya cinta. Adik juga tidak memperca-

yai dan menganggap lelaki semua sama.

Perasaan yang adik alami sekarang adalah biasa bagi pasangan yang putus cinta.

Dr memahami rasa tidak percaya adik kepada semua lelaki. Membuat generalisasi semua lelaki adalah seperti bekas kekasih pasti menutup rasional berfikir.

Bagi mengurangkan ingatan terhadap bekas kekasih, adik boleh melakukan aktiviti yang mengisi minda dan tenaga.

Sebagai pelajar, isikan masa dengan aktiviti berfaedah. Jadikan kata-kata Hamka sebagai motivasi adik tidak terus tenggelam dalam lautan kekecewaan.

Mengikut beliau 'cinta bukan membuat kita lemah, tetapi membangkitkan kekuatan. Cinta bukan mengajjar menghinakan diri, tetapi menghembuskan kegagahan. Cinta bukan melemahkan semangat, tetapi membangkitkan semangat.' Selamat berjaya!